

<b>Headline</b>	<b>S. Kumar pemain paling setia</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Date</b>	<b>27 Aug 2016</b>	<b>Readership</b>	<b>875,000</b>
<b>Circulation</b>	<b>197,202</b>	<b>Page No</b>	<b>57</b>
<b>Section</b>	<b>Sukan</b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>685 cm<sup>2</sup></b>		
<b>PR Value</b>	<b>RM 53,331</b>		



Penjaga gol skuad hoki negara tabur bakti selama 16 tahun bersama TNB

# S. Kumar pemain paling setia

**P**ENJAGA gol skuad hoki kebangsaan, S. Kumar menyifatkan kesetiaan tidak boleh dibeli dengan wang ringgit.

Menyedari hakikat tersebut, Kumar tanpa berbelah bahagi, memilih untuk terus setia bersama pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam mengharungi Liga Hoki Kebangsaan (MHL).

Secaranya bermula sejak 16 tahun lalu apabila TNB menawarkan Kumar untuk bekerja di syarikat itu dan pada masa yang sama mengukuhkan kariernya dalam sukan hoki.

Tawaran itu hadir tepat pada masanya dan itulah permulaan jodoh antara TNB dan Kumar.

Pada masa itu, dia baharu sahaja selepas bermain pada kejohanan Piala Remaja Asia dan tidak mempunyai pekerjaan tetap.

Jadi, dia menerima peluang yang ditawarkan pada bulan September tahun 2000 itu.

Kini, dengan usianya yang semakin meningkat, Kumar adalah antara salah seorang penjaga gol terbaik yang pernah dimiliki negara dan dia juga tidak malu untuk mengakui karier serta kejayaan yang diraih banyak dibantu oleh TNB.

“Apabila TNB membuat tawaran, saya telah berbincang dengan beberapa pemain senior dan tiada sesiapa pun bercakap negatif tentang TNB. “Saya dinasihatkan untuk menerima tawaran tersebut,” kata Kumar baru-baru ini yang bertugas di bahagian Sokongan Teknikal TNB.

“Selepas menyertai TNB, saya dapat merasakan bahawa mereka benar-benar serius memajukan sukan hoki dan ini telah membangkitkan semangat saya. Tambahan lagi, mereka menawarkan pelbagai faedah seperti cuti untuk atlet, faedah perubatan, bonus dan eluan istimewa kepada pemain kebangsaan.

“Bermain dan bekerja untuk TNB benar-benar memacu karier saya untuk mencapai kemuncak prestasi.”

Kumar juga berkata selepas menyerai TNB, selain meningkatkan prestasi dalam kariernya, kehidupannya juga bertambah baik terutamanya dari segi kewangan.

Walaupun mendapat tawaran dari pasukan lain yang menawarkan gaji jauh lebih lumayan, namun Kumar memilih untuk kekal setia bersama pasukan TNB.

“TNB adalah satu-satunya pasukan yang menawarkan pekerjaan kepada saya ketika saya tidak mempunyai sebarang kerja tetap. Saya tidak akan lupa jasa mereka. Itu antara sebab mengapa saya kekal bersama pasukan ini untuk tempoh yang sangat lama.

Saya harap dapat membala segala jasa baik TNB terhadap saya,” katanya.

Selain sentiasa memberi sokongan terhadap Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) dan Liga Hoki Malaysia, TNB juga membantu pembangunan akar umbi melalui beberapa program yang mereka sediakan.

“Bagi saya, TNB juga banyak membantu untuk melahirkan pemain muda berkualiti menerusi Program *Thunderbolt* dan juga dalam Liga Hoki Remaja”, kata pemain berusia 36 tahun yang berbasal dari Tampin, Negeri Sembilan itu.

Kumar mula berjinak-jinak dengan sukan hoki ketika menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tunku Besar Tampin apabila bekas jurulatih hoki sekolah tersebut, mendiang V. Siva dasundram memilihnya sebagai penjaga gol skuad hoki sekolah.

“Saya lebih cenderung kepada bola sepak tapi segalanya berubah apabila jurulatih memanggil saya untuk menyertai pasukan hoki sekolah. “Saya mula jatuh hati dengan sukan ini, sekali gus membuat keputusan untuk terus bergiat lebih serius dalam sukan hoki,” katanya.

SMK Tunku Besar Tampin sememangnya begitu terkenal kerana berjaya melahirkan bakat-bakat hoki yang mewakili negara dan juga bermain untuk pasukan negeri.

Menyedari tentang kemampuan se-

kolah tersebut dalam membangunkan serta melahirkan pemain-pemain muda berpotensi, TNB menjalin kerjasama untuk tahun kedua dengan sekolah berkenaan bagi menganjurkan Piala YTM-TNB B-14 yang akan bermula pada 16 hingga 20 September ini.

Pemain-pemain muda berbakat akan memamerkan kebolehan masing-masing menjelang kejohanan yang diadakan sempena Hari Malaysia itu.

Kumar yang merupakan peminat tegar Liverpool juga menasihati pemain muda untuk bekerja lebih keras dan tidak pernah berputus asa.

“Tiada jalan pintas untuk berjaya dalam bidang sukan mahupun apa-apa sahaja dalam hidup ini. Pemain muda perlu bekerja keras, mempunyai disiplin yang tinggi untuk menjadi pemain yang berjaya.

“Jika saya tidak mempunyai keinginan untuk menentukan kejayaan serta dedikasi kepada sukan ini, saya tidak akan mencapai apa yang ada pada hari ini. Sering digugurkan semasa empat tahun pertama bersama pasukan kebangsaan, saya tidak pernah menoleh ke belakang malahan terus berusaha untuk mendapat tempat,” kata Kumar penuh bangga.

Pemain TNB itu kembali beraksi selepas mengalami kecederaan yang menyaksikannya terlepas peluang untuk bermain dalam Piala Sultan Azlan Shah pada bulan April lalu. Kini, dia berharap untuk cergas sepenuhnya bagi membolehkan dia beraksi dalam TNB-MHL 2016.

Dia juga menekankan kepentingan untuk menjalani latihan yang khusus dan terancang kepada pemain muda kerana akan membantu mereka melangkah lebih jauh dalam sukan hoki.

Kumar juga berharap dia dapat bermain untuk pasukan TNB dan pasukan kebangsaan untuk tempoh setahun dua lagi sekiranya masih cergas.

Kumar dan TNB adalah dua nama besar yang ~~telanjutnya~~ dalam kamus sukan

hoki Malaysia. Mudah-mudahan akan menjadi inspirasi kepada bakal bintang hoki negara pada masa akan datang.

Headline	S. Kumar pemain paling setia		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	27 Aug 2016	Readership	875,000
Circulation	197,202	Page No	57
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	685 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 53,331		

**INFO** Kumar Subramaniam

**Tarikh lahir:** 26 Disember 1979  
**Tempat lahir:** Tampin, Negeri Sembilan  
**Umur:** 36 tahun  
**Posisi:** Penjaga gol  
**Karier kelab:** Tenaga Nasional Berhad (1999-2011, 2013-kini)  
**Karier antarabangsa:** Uttar Pradesh Wizards (2012)  
**Karier kebangsaan:** Skuad Malaysia (1999-kini)

**Pencapaian antarabangsa:**

- Pingat emas** - Liga Hoki Antarabangsa Pusingan Kedua 2015 (Singapura)
- Pingat gangsa** - Kejuaraan Hoki 2014 (Kuantan, Pahang)
- Pingat perak** - Piala Sultan Azlan Shah 2013 (Ipoh, Perak)
- Pingat gangsa** - Kejuaraan Asia 2013 (Kakamigahara, Jepun)
- Pingat gangsa** - Kejuaraan Asia 2012 (Doha, Qatar)
- Pingat gangsa** - Kejuaraan Asia 2011 (Ordos, China)
- Pingat perak** - Sukan Asia 2010 (Guangzhou, China)
- Pingat gangsa** - Sukan Komanwel 2006 (Melbourne, Australia)
- Pingat gangsa** - Sukan Asia 2002 (Busan, Korea Selatan)
- Pingat emas** - Sukan SEA 1999 (Bandar Seri Begawan, Brunei)

**Penghargaan antarabangsa:**

- Penjaga Gol Terbaik** - Kejohanan Asia All Stars 2010
- Penjaga Gol Terbaik** - Piala Hoki Asia 2009

**Fokus**





KUMAR tidak pernah mengenal erti putus asa sehingga berjaya menjadi penjaga gol utama skuad hoki kebangsaan.

Headline	S. Kumar pemain paling setia		
MediaTitle	Kosmo		
Date	27 Aug 2016	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	57
ArticleSize	685 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 53,331		



KUMAR tetap setia dengan TNB yang telah banyak membantu mengembangkan karier hokinya.